Dokumen Meja Terkawal

PREAMBLES

BIL	HURAIAN
A	Lokasi kerja akan ditetapkan oleh Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa berdasarkan Arahan Kerja yang akan dikeluarkan.
B	Pihak Kontraktor hendaklah menyediakan segala peralatan keselamatan dan alat perlindungan diri (PPE) yang mencukupi semasa bekerja seperti papan tanda, vest keselamatan, bendera, walkie-talkie, lampu bikon, kon dan keperluan lain yang berkaitan kepada kakitangan pihak kontraktor yang menjalankan kerja di lapangan.
C	Pihak Kontraktor hendaklah menyediakan yang berikut, pada masa kerja dilaksana ; a) Seorang Penyelia Keselamatan Tapak yang bertauliah dan diperakui oleh JKKP Malaysia (DOSH) atau CIDB ; mahir tentang kerja tapakbina dan keselamatan kerja, **DAN** ; b) Penyelia bagi kerja pemangkasan/ penebangan pokok adalah individu yang kompeten; samada Seorang Arboris bertauliah yang diperakui oleh Persatuan Arboris Malaysia atau, seorang telah menghadiri kursus pemangkasan pokok di Universiti/Insitusi Pengajian Tempatan. Penyelia ini bertanggungjawab melapor kepada Pegawai Majlis semua aktiviti yang dilaksana serta masalah di tapak setiap hari. c) Pengendali jentera (jika berkaitan), mestilah dipastikan mempunyai lesen atau permit berkaitan kebenaran pengendalian jentera yang sahlaku ketika itu.
D	Sampah-sarap hasil kerja-kerja aduan hendaklah dibersihkan dan dilupuskan serta-merta (tidak melebihi 24 jam) selepas kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan di **tapak pelupusan yang dibenarkan oleh Majlis sahaja**. Pihak kontraktor hendaklah mendaftar lori dengan pihak Majlis untuk urusan masuk ke tapak pelupusan. Jika tempat pelupusan sampah adalah bukan dibawah tapak pelupusan dibawah kelolaan Worldwide Holdings iaitu di Jeram dan Dengkil, pihak kontraktor perlu mendapatkan kebenaran dari pihak MBSJ terlebih dahulu.
E	Pihak Kontraktor **wajib** mengemukakan laporan bergambar setiap bulan bersama tuntutan bayaran. Gambar-gambar hendaklah diambil sebelum, semasa & selepas kerja-kerja dilaksanakan. Jika didapati tidak mengemukakan Laporan Bergambar mengikut piawaian pihak Majlis berhak untuk memotong atau tidak membayar laporan yang dikemukakan beserta 1 NTP (sila rujuk Notis Tindakan Pemotongan)